

**LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA
(KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA)**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa dalam kalangan **warganegara Malaysia** yang berkelayakan dan **berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh iklan ditutup** bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:

- | | |
|-------------------|--|
| 1. JAWATAN | : PENOLONG PENGARAH (GRED E41) |
| TARAF JAWATAN | : PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH) |
| PENEMPATAN | : Bahagian Promosi Antarabangsa
Ibu Pejabat Tourism Malaysia |
| KADAR UPAH | : RM100.00
(Ringgit Malaysia: Satu Ratus Sahaja) sehari bekerja |

2. SYARAT LANTIKAN

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c)
 - i. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - ii. Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- d) Keutamaan kepada calon yang **fasih bertutur** dan **mahir menulis** dalam **Bahasa Mandarin**. Kebolehan bertutur dalam dialek Kantonis, Hokkien dan Hakka adalah satu kelebihan.
- e) Mempunyai kemahiran berkomunikasi.

- f) Mempunyai pengetahuan dalam pengendalian dan perisian komputer seperti Microsoft Word, Microsoft Excel dan Microsoft PowerPoint dengan baik.
- g) Mampu bekerja di bawah tekanan serta penyeliaan yang minimum.

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujiaan (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab:

- a) Melaksanakan tugas-tugas berkaitan promosi pelancongan yang ditetapkan oleh LPPM;
- b) Membantu mendapatkan maklumat risikan pasaran;
- c) Menganalisis dan melaksanakan penyebaran maklumat mengenai produk pelancongan Malaysia yang tepat dan terkini di pasaran seliaan bagi mendorong pelancong di pasaran seliaan untuk memilih Malaysia sebagai destinasi pilihan;
- d) Menyediakan kertas kerja dan laporan prestasi aktiviti/projek secara berkala; dan
- e) Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah dari semasa ke semasa.

5. ARAHAN DAN CARA MEMOHON

- (a) (i) Permohonan hendaklah menggunakan **Borang LPPM-1** yang boleh didapati melalui link berikut:
<https://www.tourism.gov.my/pdf/uploads/borang.pdf>
- (ii) Sila print dan lengkapkan maklumat. Borang yang telah lengkap hendaklah dikemukakan ke Unit Perancangan, Bahagian Sumber Manusia sebelum tarikh tutup permohonan.
- (iii) Borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 23cm x 32cm dan **disudut sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis nama jawatan yang dimohon.**

(iv) Borang permohonan hendaklah dikemukakan kepada alamat berikut :

**Tourism Malaysia
Bahagian Sumber Manusia
Aras 9, No. 2, Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA (U.P.
Unit Perancangan)**

- (b) Pemohon perlu menyertakan dokumen-dokumen yang lengkap dan diakui sah benar oleh pegawai dari **Kumpulan Pengurusan dan Profesional** berdasarkan senarai semak yang dikemukakan bersama-sama borang permohonan. Dokumen hendaklah mengikut susunan di dalam senarai semak berkenaan.
- (c) Gambar yang dikemukakan hendaklah menggunakan gambar pasport terkini. Selain daripada gambar pasport tidak dibenarkan.
- (d) **Bagi pemegang Diploma daripada Institut Pengajian Tinggi Swasta/Luar Negara, perlu mengemukakan sesalinan pengiktirafan dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Pemohon boleh melayari laman web <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/>**
- (e) Tarikh tutup permohonan ialah pada **7 Disember 2020 (Isnin) sebelum jam 5.30 petang.**

6. CATATAN AM

- (a) Sebarang permohonan yang **tidak lengkap atau lewat** tidak akan dipertimbangkan dan akan dianggap tidak berjaya.
- (b) Calon yang berjaya melepasi **tapisan kelayakan** akan dimaklumkan **secara rasmi melalui surat** untuk panggilan sesi temu duga.
- (c) Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklum balas dalam tempoh **tiga (3) bulan** selepas daripada tarikh iklan ditutup, permohonan tuan/puan adalah dianggap **tidak berjaya**.
- (d) Sebarang pertanyaan boleh menghubungi pegawai berikut:
 - (i) Puan Adibah Mohd Basri - adibah@tourism.gov.my
 - (ii) Cik Siti Salwah Othman - sitalwah@tourism.gov.my
 - (iii) Puan Nor'Azila Roselan - norazila@tourism.gov.my

***** SEKIAN, TERIMA KASIH *****